



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**MENGADAPTASI MOTIF KALUNG SIGAI MASYARAKAT BIDAYUH
DALAM PENGHASILAN KARYA SENI**

Jude Enstaine Patrick anak Edward

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Seni Halus)
2018**

MENGADAPTASI MOTIF KALUNG SIGAI MASYARAKAT BIDAYUH DALAM PENGHASILAN KARYA SENI

JUDE ENSTAIN PATRICK ANAK EDWARD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (/)

Final Year Project Report

☒

Masters

☐

PhD

☐

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2018.

Student's Declaration:

I, **JUDE ENSTAIN PATRICK ANAK EDWARD, 54661. FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitled ***MENGADAPTASI MOTIF KALUNG SIGAI MASYARAKAT BIDAYUH DALAM PENGHASILAN KARYA SENI*** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Jude Enstaine Patrick anak Edward (54661)

Supervisor's Declaration:

I **PUAN ENDANG LESTARI** hereby certifies that the work entitled ***MENGADAPTASI MOTIF KALUNG SIGAI MASYARAKAT BIDAYUH DALAM PENGHASILAN KARYA SENI*** was prepared by the above named student, and was submitted to the **FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS** as a partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

Date : _____

Puan Endang Lestari

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- ☐ **CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- ☐ **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- ☒ **OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____ Supervisor signature: _____
() ()

Current Address:

**NO 33, KAMPUNG BIDAD PLAMAN
JALAN MONGKOS
94700, SERIAN
SARAWAK**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

PENGESAHAN

Projek bertajuk ‘**Mengadaptasi Motif Kalung *Sigai* Masyarakat Bidayuh Dalam Penghasilan Karya Seni**’ telah disediakan oleh **Jude Enstaine Patrick anak Edward** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(**Puan Endang Lestari**)

Tarikh:

PENGAKUAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **Jude Enstaine Patrick anak Edward** disertai penulisan yang bertajuk '**Mengadaptasi Motif Kalung *Sigai* Masyarakat Bidayuh Dalam Penghasilan Karya Seni**' sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah sarjana muda seni gunaan dengan kepujian (**Seni Halus**).

(Jude Enstaine Patrick anak Edward)

No Matrik : 54661

PENGHARGAAN

'Lord, grant me that I may always desire more than I can accomplish...' – (Michaelangelo)

Kesyukuran yang amat besar saya berikan kepada Tuhan kerana telah memberikan kekuatan, kesabaran dan petunjuk kepada sepanjang melaksanakan kajian ini. Jutaan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) di atas kesudian menerima saya sebagai mahasiswa dan memberi peluang pendidikan kepada saya.

Jutaan terima kasih juga kepada Dekan FSGK, Dr. Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani dan warga kakitangan fakulti yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung. Tidak dilupakan kepada pensyarah Seni Halus yang banyak membimbing saya dalam setiap pembelajaran dan segala tunjuk ajar dalam bidang ini, terutamanya kepada penyelia saya iaitu Puan Endang Lestari atas kesudian menerima saya sebagai pelajar di bawah seliaan beliau serta segala tunjuk ajar, nasihat, campur tangan, tenaga dan motivasi sepanjang pelaksanaan kajian dan projek tahun akhir ini. Selain itu, terima kasih kepada seluruh pensyarah program Seni Halus atas kritikan dan nasihat yang membina dalam mengembangkan kualiti dan pemahaman saya dalam pembelajaran serta karya saya. Kepada kedua ibu dan bapa saya yang tersayang, jutaan penghargaan atas jasa yang diberikan dari motivasi, kasih sayang, dan kewangan sepanjang pengajian saya di UNIMAS. Tanpa sokongan mereka, saya tidak akan merasai setiap kesyukuran dan kebanggaan yang terlakar, serta terus membimbing saya dalam menghadapi ragam kehidupan ini.

Seterusnya tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat saya yang turut memberi pandangan dan bantuan sepanjang saya menjalankan kajian dan projek tahun akhir. Terima kasih di atas segala kesudian dalam memberi buah fikiran dan memberi kritikan yang membina, serta penghargaan atas segala masa yang terluang sepanjang pengajian ini. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga di atas kesediaan bagi pihak yang secara langsung dan tidak langsung dalam perjalanan kajian dan projek tahun akhir saya di atas bantuan dan suntikan semangat kepada saya untuk meneruskan kajian ini. Semoga Tuhan merahmati kalian.

SENARAI KANUNGAN

Isi / Perkara	Halaman
Borang Pengesahan Status Laporan.....	i-ii
Pengesahan Penyelia.....	iii
Pengakuan.....	iv
Penghargaan.....	v
Senarai Kandungan.....	vi-ix
Abstrak.....	x
Abstract.....	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan.....	1-3
1.1 Latar Belakang	
1.1.1 Masyarakat Bidayuh.....	3-4
1.1.2 Kalung <i>Sigai</i> Masyarakat Bidayuh.....	4-5
1.2 Permasalahan Kajian.....	5-7
1.3 Objektif Kajian.....	7
1.4 Persoalan Kajian.....	7
1.5 Kepentingan Kajian.....	7-8
1.6 Andaian	8
1.7 Skop Kajian.....	8
1.8 Kesimpulan	9

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	10
2.1 Kajian Literatur.....	10-13
2.2 Kalung <i>Sigai</i>	13-16
2.3 Artis Rujukan.....	17-24
2.4 Kesimpulan Daripada Artis Rujukan.....	24

BAB 3 METHODOLOGI

3.0 Pendahuluan	25
3.1 Pengumpulan Data Primer.....	25-26

3.1.1 Pemerhatian.....	26-27
3.2 Pengumpulan Data Sekunder	
3.2.1 Bahan Bacaan	27-28

BAB 4 ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

4.0 Idea Dan Konsep.....	31
4.1 Dapatan Temu Bual.....	31-33
4.2 Lakaran Motif.....	34
4.3 Perkembangan Idea.....	35
4.4 Proses Pembuatan.....	36-38
4.5 Ulasan Karya Akhir	39-40

BAB 5 RUMUSAN AKHIR

5.0 Rumusan.....	41-42
------------------	-------

BAB 6 KESIMPULAN

Kesimpulan.....	43
Rujukan.....	44-47

LAMPIRAN

Informan Yang Ditemu Bual.....	48
Gawai Kepala atau Gawai Nyobang/Nyobeng Tahun 2015.....	49-50
Reka Bentuk Kalung Sigai.....	51
Karya Peribadi Pengkaji.....	52
Karya Peribadi Pengkaji Bersama Audiens.....	53-54
Komen.....	55
Surat Temu Bual.....	55
Transkrip Temu Bual.....	56-62

GAMBAR RAJAH

Fig. 1 Belian Bawo dari Kalimantan Timur.....	12
Fig. 2 Rantai manik masyarakat Berawan.....	13
Fig. 3 Azimat dibalut dengan kain hitam.....	14
Fig. 4 Kalung <i>Sigai</i>	15
Fig. 5 Tanduk, gigi, kuku binatang dan lain-lain.....	15
Fig. 6 Hasil buruan akan dikumpulkan dan azimat.....	16
Fig. 7 Darah binatang yang disapu di kening dan muka.....	16
Fig. 8 <i>Cosmic Dance #3</i> (2017).....	17
Fig. 9 Motif Bali masih dikekalkan.....	18
Fig. 10 <i>Pianissimo</i> (2007).....	19
Fig. 11 <i>Ajisaka: Seeing upside down</i> (2015).....	20
Fig. 12 <i>Split</i> (2009).....	21
Fig. 13 <i>Pago-pago</i> (1965).....	22
Fig. 14 <i>Aku lihat Warisan yang hilang</i> (1989).....	23
Fig. 15 Gigi manusia.....	26
Fig. 16 Taring harimau.....	26
Fig. 17 Kuku beruang.....	26
Fig. 18 Taring babi.....	26
Fig. 19 Tanduk binatang.....	26
Fig. 20 Pemberian makhluk halus.....	26
Fig. 21 Tulang.....	27
Fig. 22 Siput laut.....	27
Fig. 23 Bulu landak, biji bali dan ukiran patung.....	27
Fig. 24 Jude Enstaine Patrick, <i>Kungkong Rembai</i> '(2018) Pameran Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.....	29

Fig. 25 Gambar karya yang lebih terperinci.....	30
Fig. 26 Jude Enstaine Patrick, <i>Kungkong Rembai</i> ’(2018) Pameran Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.....	39
Fig. 27 Informan pertama, Anyam anak Jikan.....	48
Fig. 28 Informan kedua, Latip anak Ngaim.....	48
Fig. 29 Informan ketiga, Pipeg anak Nyasi.....	48
Fig. 30 Informan keempat, Jose anak Pipig.....	48
Fig. 31 Gawai Kepala atau Gawai Nyobang/Nyobeng. (2015).....	49-50
Fig. 32 Kalung Sigai yang dipakai oleh pahlawan Bidayuh.....	50
Fig. 33 Reka bentuk kalung <i>Sigai</i>	51
Fig. 34 Karya dan gambar karya yang lebih terperinci.....	52
Fig. 35 Bersama pensyarah dari Universiti Limkokwing, Kuching. (2018).....	53
Fig. 36 Perbentangan dengan Timbalan Naib Censelor, Profesor Mohd Fadzil bin Abd Rahman. (2018).....	53
Fig. 37 Bersama pensyarah Unimas Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Puan Endang Lestari dan Encik Awangko’ Hamdan Pgn Arshad. (2018).....	53
Fig. 38 Bersama pemeriksa luar, Prof Hasnul Jamal Saidol (baju putih) dan rakan Seni Fotografi, Lucas anak Thomas. (baju biru) (2018).....	54
Fig. 39 Bersama pelajar tahun 2 Seni Halus. (2018).....	54
Fig. 40 Bersama rakan Seni Paduan, Muhamad Syazwan bin Mohd Rokif. (2018)....	54
Fig. 41 Perbentangan dengan VIP jemputan. (2018).....	55
Fig. 42 Komen pemeriksa luar, Prof Hasnul Jamal Saidol. (2018).....	55
Fig. 43 Surat pengesahan dari Majlis Adat Istiadat Sarawak. (2018).....	55

ABSTRAK

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengadaptasi motif kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh dalam penghasilan karya seni. Kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti dan menganalisis motif pada kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh untuk diaplikasikan dalam karya akhir. Ini kerana, motif pada kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh kini semakin dilupakan oleh masyarakat pada masa kini, terutamanya masyarakat Bidayuh. Masyarakat Bidayuh mempunyai kepercayaan bahawa kalung *Sigai* tersebut mempunyai pelbagai makna, fungsi ritual, dan menjadi simbol kepahlawanan bagi kaum lelaki masyarakat Bidayuh. Kajian ini juga menggunakan metodologi dalam bentuk kualitatif bagi menjalankan kajian ini. Hasil kajian daripada kaedah pemerhatian dan pengumpulan data akan diaplikasikan pada karya akhir.

ABSTRACT

The purpose of this research is to adapt the pattern of *kalung Sigai* from Bidayuh community into artwork producing. The research constructed on the pattern of *kalung Sigai* from Bidayuh community is analysed in order to be identified and applied into final artwork. Nowadays, the pattern of *kalung Sigai* from Bidayuh community is being forgotten by today's community, especially Bidayuh community themselves. Bidayuh community believe that *kalung Sigai* have a lot of meaning, as means for ritual, and as the symbol of heroism for men of Bidayuh. The methodology used in this research is in qualitative form. The data obtained from observation and data collection is then applied to the final artwork.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Sarawak ialah sebuah negeri yang mempunyai pelbagai kaum yang terdiri daripada Iban, Orang Ulu, dan lain-lain lagi. Pengkaji mengkaji objek budaya dalam kaum Bidayuh. Secara umum kaum Bidayuh merupakan kaum keempat (4) terbesar di Sarawak. Menurut Malcom MacDonald (1985), menyifatkan masyarakat Bidayuh merupakan masyarakat yang mencintai keamanan dan kedamaian. Tempat tinggal kaum ini ialah di kawasan pergunungan Sarawak. Kebanyakannya terdiri daripada pemburu dan petani. Mereka pada asalnya merupakan penganut animism, tetapi sekarang kebanyakannya telah menganut agama Kristian. (Zuliskandar Ramli, et al., 2015) (Patrick Rigepe Nuek, 2002)

Dalam masyarakat Bidayuh, ada sejenis kalung azimat yang digunakan oleh kaum lelaki sewaktu perang, ia lebih dikenali sebagai kalung *Sigai*. Kalung *Sigai* merupakan azimat yang digunakan sewaktu berperang atau berlawan dengan musuh. Ini diperkukuhkan lagi dalam arkeologi, sejarah dan budaya, Universiti Kebangsaan Malaysia mengatakan kalung *Sigai* dianggap sebagai azimat dan dianggap istimewa sebagai perantara yang penting untuk sesuatu upacara (Tettoni & Edric Ong, 2001, p. 59) mengikut kepercayaan dan adat resam yang diwarisi oleh masyarakat tertentu (Sharifah Nur Izzati Sayed Hasan, et al., 2014).

Kajian ini mengkaji mengenai motif pada kalung *Sigai* dalam masyarakat Bidayuh di Sarawak, khasnya masyarakat Bidayuh di Bau dan Serian. Pengkaji akan menemubual beberapa orang pakar mengenai kalung *Sigai* untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu pendekatan yang semulajadi atau *natural* untuk

memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Ini bermaksud kajian kualitatif bertujuan memahami keadaan sebenar fenomena dan konteks kajian tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar (Patton, 2002). Pendekatan semulajadi ialah menganalisis maklumat melalui buku rujukan, tesis kajian lepas, internet dan sumber utama iaitu hasil temubual.

Pengkaji lebih menumpukan pada motif dan fungsi pada kalung *Sigai*. Selain itu, pengkaji mengkaji teori budaya dan menyesuaikan maklumat yang diperoleh untuk menghasilkan karya seni yang sesuai. Ia merupakan objek budaya masyarakat Bidayuh yang sangat penting dalam kalangan lelaki Bidayuh. Kalung *Sigai* merupakan simbol kekuatan dan keberanian bagi kaum lelaki Bidayuh pada masa dahulu dan kalung tersebut hanya dipakai oleh kaum lelaki Bidayuh. Menurut Csikszentmihalyi dan Rochberg-Halton (1992), simbol mempunyai pertalian dengan rujukan khusus seseorang dan memiliki makna serta kepentingan bagi sesiapa saja yang tahu cara mentafsirnya (Balai Seni Lukis Negara, 2008). Menurut de Saussure (1983), teori simbol ini dicipta sebagai memahami tanda-tanda dan lambang dalam budaya manusia. (Saussure, 1983)

Pengkaji merujuk kepada karya seni yang berkenaan dengan objek budaya. Dalam konteks objek budaya ianya merujuk kepada motif. Pengkaji merujuk karya artis Nyoman Erawan iaitu karya yang bertajuk 'Cosmic Dance #3' (2014-2016) dan Azhar Abdul Manan iaitu karya yang bertajuk 'Aku lihat Warisan yang hilang' (1989). Dalam karya kedua-dua artis ini menggunakan pendekatan motif berbentuk seni abstrak. Bagi Jeffrey Jalong, motif tersebut juga bertindak sebagai mesej abstrak untuk menceritakan sesuatu perkara dan maksud.

Karya yang akan dihasilkan berbentuk abstrak yang tidak menampakkan bentuk asalnya, ianya lebih kepada motif (makna) kalung *Sigai* tersebut. Dari hasil penyelidikan ini, pengkaji akan mengenalpasti motif dalam kalung *Sigai* untuk diaplikasikan pada karya akhir.

Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan lagi maksud di sebalik motif pada kalung *Sigai* bagi masyarakat Bidayuh.

1.1 LATAR BELAKANG

1.1.1 Masyarakat Bidayuh

Masyarakat Bidayuh mempunyai panggilan yang pelbagai mengikut tempat, yang selalu kita dengar adalah *Land Dayak* (Roth, 1968:39) dalam bahasa inggelis Dayak Darat dan Bidayuh sahaja yang sering kita dengarkan. Di Sarawak terdapat empat (4) sub-suku masyarakat Bidayuh iaitu Selakau/Lara (Daerah Lundu), Jagoi/Singai (Daerah Bau), Biatah (Daerah Kecil Padawan) dan Bukar/Sadong (Daerah Serian). Di Indonesia pula masyarakat Bidayuh dipanggil *Dayak Klemantan/Darat*, *Dayak Ketungau*, *Dayak Kanayatn/Ahe* yang berada di sempadan Tebedu Serian, Sarawak (Santosa, H., & Bahtiar, T. 2017), *Dayak Bukit dan Dayak Toba*, Ribunic/Jangkang, Dayak Ribun, Pandu, Pompakng, Lintang, Pangkodatn, Jangkang, Kembayan, Simpakng, dan Benuaq lain sebagainya (Hamid Darmadi, 2016).

Bidayuh Sarawak asalnya dari Sungkong di Kalimantan Indonesia kira-kira dua puluh generasi sebelum ledakan Gunung Krakatau (Hewitt 1961: 51). Di Sarawak, mereka menetap di kawasan Gunung Penrissen, atau yang disebut sebagai *Borneo Heights*. Dari situ mereka kemudian berhijrah pula ke kawasan-kawasan berhampiran. Ada kemungkinannya masyarakat Bidayuh yang awal ini pernah tinggal di sekitar kawasan yang sekarang menjadi Bandaraya Kuching. Namun tahun-tahun berikutnya masyarakat Bidayuh terpaksa berhijrah ke pedalaman untuk mencari perlindungan disebabkan kedatangan perompak dan lanun dari Laut Sulu. Cara yang terbaik bagi orang Bidayuh ialah memilih untuk pergi jauh ke kawasan pedalaman untuk terus hidup dalam keadaan yang lebih selamat jauh di pedalaman, berdekatan dengan puncak gunung dan di lereng-lereng bukit di mana keselamatan lebih terjamin.

Mengikut legenda, masyarakat Bidayuh yang pertama sekali sampai ke Borneo ialah Tirauh dan Padat yang datang dari Sikung. Menurut legenda Bidayuh, petempatan etnik ini yang paling awal ialah di Rabak Mikabuh (William Nais, 1989: 368). Masyarakat Bidayuh di Sarawak kurang aktif dengan aktiviti perpindahan petempatan. Mereka mengekalkan tradisi mereka yang menjadi tanah tumpah darah mereka untuk beberapa generasi (Aman, 1989: 399). Masyarakat Bidayuh juga pernah berhijrah dan menetap di merata tempat, tetapi dibandingkan dengan masyarakat dari suku kaum lain di Sarawak penghijrahan masyarakat Bidayuh tidak begitu kerap.

1.1.2 Kalung *Sigai* Masyarakat Bidayuh

Masyarakat Bidayuh kaya dengan budaya dan seni tradisional yang menentukan identiti mereka. Seni tradisional masyarakat Bidayuh mempunyai kepentingan dan nilai estetika tersendiri. Kosmologi, mitos, legenda, kesenian, upacara atau acara ritual dan sejarah semuanya sama penting. Ini juga merupakan bentuk komunikasi melalui seni, yang memberikan kesedaran dan persepsi untuk berkomunikasi dengan dunia rohani dan masyarakatnya. Seni tradisional masyarakat Bidayuh yang menghasilkan pelbagai bentuk dan fungsi yang mempengaruhi pandangan dunia. Bagi masyarakat Bidayuh setiap ritual dan seni tradisional, serta alat atau objek upacara, mempunyai fungsi khusus dan makna sendiri untuk menghubungkan diri dengan dunia rohani. (Nais. 1992:15) (Walker. 2002:15).

Selain memberi tumpuan kepada motif dan fungsi, kajian ini juga mengambil kira sejarah, teknikal, dan amalan ke dalam pemahaman tentang sesuatu proses penghasilan karya. Ia melihat seni bukan sebagai peristiwa terpencil, tetapi mempunyai makna, kandungan dan fungsi intrinsik. (Mitot, K., Kuan, V., & Sanusi, K. 2016)

Kalung *Sigai* juga dikenali sebagai *Pimulang*, *Pimurang* dan panggilan itu amatlah berbeza mengikut daerah setiap masyarakat Bidayuh di Sarawak mahupun di Kalimantan

Indonesia. Motif kalung *Sigai* ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara bagi suku kaum di Indonesia, tidak hairanlah kerana masyarakat Bidayuh asalnya dari Indonesia. Terdapat sesetengah kalung suku kaum Asia Tenggara dan juga India Selatan, Afrika dan Mediterranean mempunyai persamaan dengan kalung *Sigai* (Sharifah Nur Izzati Sayed Hasan, et al., 2014), ini kerana seni tradisional ibarat simbol dan makna, yang menjadi identiti sesebuah masyarakat.

Bahan yang digunakan untuk penghasilan kalung mengikut kaum masyarakat mempunyai perbezaan dari segi corak, pengolahan, reka bentuk dan simbol atau motif. Pembuatan kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh, menggunakan media atau bahan dari sumber alam semulajadi. (Indrianti, Kajian Perhiasan tradisional, 2016) Jalinan yang terbentuk dari sudut seni yang terhasil dari pembuatan kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh amat menarik dari segi penyusunan media.

1.2 PERMASALAHAN

Permasalahan kajian ini adalah masyarakat Bidayuh sendiri tidak mengenali seni tradisional seperti kalung *Sigai* yang mempunyai fungsinya terhadap sesuatu upacara, perayaan serta simbol pahlawan lelaki. Amalan ini tidak lagi diingati serta diamalkan lagi. Ini kerana masyarakat moden kini dengan teknologi dan mempunyai ajaran agama serta mempunyai pendidikan menyebabkan makna dan fungsinya telah lupakan. Ini diperkukuhkan lagi dalam artikel “Bahasa Melayu Dalam Arus Globalisasi: Keutuhan Jati Diri dan Kekuatan Budaya Melayu” yang menyebut :

“Bangsa yang maju dalam bidang diukur dengan ketinggian akal dan daya berfikir dengan warisan kebudayaan yang dipelihara dan kesenian yang indah serta halus dan utuh jati diri bangsa dan negaranya. Terdapat Negara yang telah pupus budaya dan seni dan mendukung budaya dan tradisi asing, hal ini jelas sekali bahawa Negara tersebut telah hilang

identiti, jati diri dan tamadun bangsanya sendiri” (Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim, Nurul Syazwani Zulkifli, & Wan Sallha Yusuf, 2012)

Menurut kenyataan UNESCO dalam buku “Aboriginal Art, Identity and Appropriation” menyatakan bahawa:

“culture property is a basic element of people’s identity and that a loss of culture property is a loss of being”

Masyarakat kini hanya menganggap objek budaya sebagai artifak sahaja walaupun, barang tersebut pernah digunakan oleh masyarakat Bidayuh dahulu sebagai objek penting dalam sesuatu upacara, perayaan serta martabat pahlawan lelaki bagi masyarakat Bidayuh.

Menurut Zainal Abidin Zulkifli (1988) dalam bukunya yang berjudul “Adat Resam Penduduk Sarawak”, sebahagian besar masyarakat Bidayuh menganut agama kristian dan sebahagian lagi masih mengamalkan kepercayaan tradisional yang disebut “*Adet Demba*” dalam bahasa Bidayuh digunakan dalam sesuatu upacara, perayaan serta darjat (pahlawan atau kekuatan) seseorang dalam masyarakat Bidayuh. Amalan kepercayaan tradisional ini kurang diamalkan lagi oleh masyarakat Bidayuh. Menurut Charlie Ungang (2014), pengkaji asing dan tempatan kurang mengkaji objek budaya seperti kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh, ini kerana mereka menganggap kalung merupakan perhiasan diri, artifak dan pengetahuan umum. (Ungang, 2014, p. 33). Ia merupakan satu objek budaya yang semakin lupus ditelan zaman dan pemakainya (Ros Mahwati Ahmad Zakaria, et al., 2014).

Selain itu, menurut buku “Pantang Larang Orang Melayu Tradisional” yang ditulis oleh Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah (1999) menyatakan bahawa:

“Terdapat juga adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran agama islam dan norma masyarakat sekarang. Ini menyebabkan transformasi berlaku sedikit demi sedikit dan amalan tersebut telah dipinda sesuai dengan perubahan zaman dan pegangan agama masyarakat.

Namun perubahan pesat dalam bidang teknologi telah menghakis secara perlahan adat dan budaya ini, malah sesetengahnya telah mula dilupakan oleh generasi sekarang.” (Muhammad & Hanapi Dollah, 1999)

Ia menyatakan bahawa perkembangan teknologi dan masyarakat yang telah menganut agama, (Ahi Sarok & Tracy Peter Shamat, 2010) telah melupakan adat dan budaya serta makna tradisi yang selama ini telah dipegang atau diamalkan oleh nenek moyang mereka sendiri.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti motif yang ada pada kalung Sigai masyarakat Bidayuh.
2. Menganalisis motif pada kalung Sigai masyarakat Bidayuh untuk diaplikasikan dalam karya akhir.
3. Mengaplikasikan kaedah yang sesuai untuk mangadaptasikan motif kalung *Sigai* dalam karya akhir.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah motif yang apa pada kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh ?
2. Apakah maksud motif yang ada pada kalung *Sigai* untuk diaplikasikan pada karya?
3. Bagaimanakah kaedah yang sesuai untuk mengadaptasikan motif kalung *Sigai* dalam karya akhir ?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kebanyakan masyarakat Bidayuh sudah tidak mengenali kalung *Sigai* itu sendiri dan terutamanya generasi muda. Malah ini memberi kesan kepada kesenian yang berunsur tradisional, sehingga kurang dihargai dan dikenali. Kepentingan kajian ini adalah untuk dijadikan sumber pengetahuan kepada masyarakat dan pelajar tentang pemahaman serta ilmu budaya terhadap motif kalung *Sigai*, makna serta nilai kalung *Sigai* itu sendiri. Ia juga dapat

memberi penekanan terhadap masyarakat lain untuk lebih menghargai warisan tradisi yang nenek moyang mereka terdahulu, yang telah diamalkan. Disamping itu, hasil kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada penggiat seni bahawa simbol dan motif tersebut tidak hanya dapat dihasilkan pada perhiasan dan barangan kraf sahaja malah ia mampu diolah semula, menjadikan ia satu karya seni yang lebih menarik, difahami, mempunyai penceritaan dan bersifat kontemporari.

1.6 ANDAIAN

1. Dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat dan pelajar mengenai kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh.
2. Masyarakat dapat mengetahui motif dan makna penghasilan karya dalam pengetahuan ilmu seni.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu pada kalung *Sigai* yang digunakan oleh kaum lelaki masyarakat Bidayuh yang terdapat di Borneo (Sarawak dan Kalimantan Barat Indonesia). Walaupun objek budaya iaitu kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh adalah luas di sekitar Borneo namun kalung yang dihasilkan adalah serupa. Penggunaan bahan dari flora dan fauna juga dihasilkan dalam pembuatan kalung *Sigai*. Namun begitu, pengkaji akan menjalankan kajian ini disekitar kawasan Bau (Kampung Gumbang dan Suba Buan), dan Serian (Kampung Bidak Plaman). Ini kerana kawasan tersebut mempunyai banyak kampung masyarakat Bidayuh.

Kepentingan kajian ini ialah pengkaji harus mengenalpasti motif pada kalung *Sigai*, fungsi, dan makna kalung tersebut dalam masyarakat Bidayuh. Ini adalah satu permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat umum. Selain itu, pengkaji juga akan mengaplikasikan motif kalung *Sigai* pada karya akhir.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini dapat memberi gambaran umum berkaitan dengan salah satu objek budaya masyarakat Bidayuh yaitu kalung *Sigai*. Pengkaji perlu mengenalpasti permasalahan yang wujud sebelum mengkaji objek budaya kalung *Sigai* masyarakat Bidayuh. Salah satu masalah yang wujud ialah generasi muda kurang didedahkan dengan motif dan kegunaan atau makna kalung *Sigai*. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenalpasti fokus untuk mengkaji terhadap motif dan makna dalam kalung masyarakat Bidayuh dalam objektif kajian. Hasil kajian yang dijalankan dapat membantu pengkaji untuk memperkembangkan idea dalam penghasilan karya. Bab seterusnya iaitu kajian literatur merupakan penyelidikan kajian lepas yang berhubungkait dengan objek budaya melalui pembacaan, temu bual, pemerhatian dan rujukan karya artis.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan kajian secara literatur ke atas objek budaya masyarakat Bidayuh iaitu kalung *Sigai*. Bab ini juga menggunakan pendekatan kajian lepas, maklumat yang diperoleh dari temubual, dan merujuk karya artis yang berkaitan tentang objek budaya masyarakat. Menurut Hart (1998), sorotan kajian merupakan pemilihan maklumat yang berkaitan dengan kajian dari dokumen yang sedia ada yang mempunyai perisian, idea, data dan bukti penulisan daripada pelbagai sudut perspektif yang digunakan untuk membuktikan maklumat yang telah dikumpul, yang telah wujud pada sesuatu kajian serta penelitian tentang hubungan sesuatu pemboleh ubah (Ridley, 2012). Selain itu, sorotan kajian juga merupakan sumber utama yang akan menentukan hala tuju penyelidikan serta prosedur (reka bentuk kajian, pengumpulan data dan teknik analisis data) dan perbincangan mengenai hasil daripada analisis data (tafsiran data dan kesimpulan (Rusli Ahmad et.al, 2014,p.44)

2.1 KAJIAN LITERATUR

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, motif merupakan rupa atau bentuk asas dalam sesuatu rekaan atau gubahan. Ia terdiri daripada motif flora, fauna, geometrikal dan organic (Bernadette Yodia I & Adhi Nugraha, 2014). Corak tradisi ialah corak yang mempunyai motif tersendiri yang mempunyai makna,cerita dan kegunaan sesuatu sebagai motif yang mempunyai nama-nama tertentu yang berunsur tradisi.

Terdapat beberapa suku masyarakat di dunia berpendapat kalung merupakan pakaian untuk menghiasi diri. Pakaian ditentukan oleh bentuk dan bahan daripada alam sekitar. Sungguhpun begitu, pakaian lebih bererti apabila disorot dari sudut peranan rekaan bentuk